



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
NEGERI PERAK**

**PEPERIKSAAN PERNILAIAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

September

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan satu soalan di **bahagian B.**
3. Tulis jawapan anda pada **Kertas Helaian Tambahan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
4. Bersama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:
 

Buku tunai	2 helai
Jurnal	2 helai
Lejar	5 helai
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
7. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
8. Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapat markah.
9. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.
10. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.
11. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**Bahagian A**

[68 markah]

*Jawab semua soalan dalam bahagian ini.*

- 1 Encik Eddy Sufri ialah pemilik Kedai Telekomunikasi Eddy, menjalankan perniagaan di Ipoh, Perak sebagai pembekal telefon bimbit. Pada 1 Jun 2008, baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut:

	RM
Tunai di bank	18 500
Tunai di tangan	2 800
Stok	79 300
Penghutang: Usaha Jaya Enterprise	700
Pemiutang: Universal Trading	5 500
Alatan pejabat	8 000
Modal	103 800

Urus niaga yang berlaku dalam bulan Jun 2008, ditunjukkan oleh dokumen perniagaan seperti dalam **Lampiran A**.

- a) Sediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama.  
(Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diperlukan)  
[10½ markah]
- b) Pindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar.  
[11½ markah]
- c) Sediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2008.  
[7 markah]

- 2 Kedai Runcit Serbaguna beroperasi di Taman Anggerik, Alor Setar, Kedah. Berikut adalah baki-baki akaun yang diperoleh daripada buku-buku perniagaannya pada 31 Mac 2008.

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Kenderaan (Kos)	15 000	
Belian dan jualan	15 500	27 300
Pulangan belian		408
Stok pada 1 April 2007	11 302	
Diskaun diterima		360
Sewa	4 950	
Peruntukan susut nilai kenderaan		1 500
Penghutang dan pemiutang	5 160	3 744
Kadar bayaran	620	
Pinjaman bank		3 500
Tunai	520	
Gaji	2 800	
Bank		650
Angkutan keluar	240	
Faedah pinjaman bank	350	
Modal pada 1 April 2007		18 980
	<u>56 442</u>	<u>56 442</u>

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Stok pada 31 Mac 2008 bernilai RM13 415 pada harga kos dan RM12 465 pada harga pasaran.
  - (ii) Sewa tahunan ialah RM5 400.
  - (iii) Ambilan barang niaga berjumlah RM310 belum direkodkan dalam mana-mana buku perniagaan.
  - (iv) Perniagaan mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak 5% atas penghutang.
  - (v) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (a) Sediakan Penyata Pendapatan Kedai Runcit Serbaguna bagi tahun berakhir 31 Mac 2008. [10 markah]
- (b) Sediakan Kunci Kira-Kira pada 31 Mac 2008. [9 markah]

- 3 Maklumat berikut diambil daripada buku Kelab Sukan Taman Bandar Baru pada 1 Januari 2008.

	RM
Bangunan	90 000
Bank	8 400
Yuran tertunggak	1 680
Pemiutang minuman	570
Majalah dan akhbar terakru	130
Alatan sukan	15 600
Stok minuman	470

Ringkasan Akaun Bank pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

Akaun Bank			
	RM		RM
Baki b/b	8 400	Alatan sukan	4 600
Yuran ahli	12 600	Alat tulis	380
Bayaran masuk	500	Majalah dan akhbar	240
Jualan minuman	14 400	Hadiah pertandingan	1 200
Yuran pertandingan	620	Kursus motivasi	3 500
		Insurans kelab	600
		Pemiutang minuman	8 300
		Air dan elektrik kelab	3 960
		Saguhati jurulatih	780

**Maklumat Tambahan:**

- i) Stok minuman pada 31 Disember 2008 bernilai RM670.
  - ii) Pemiutang pada 31 Disember 2008 RM 720.
  - iii) Yuran ahli RM1 500 untuk tahun 2009 telah diterima.
  - iv) Semua alatan sukan disusutnilaikan 10% setahun.
  - v) Majalah dan akhbar terakru RM120 pada 31 Disember 2008.
- a) Sediakan Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. [3 markah]
  - b) Sediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. [7 markah]
  - c) Nyatakan satu contoh pendapatan modal bagi Kelab Sukan Taman Bandar Baru. [1 markah]

- 4 Kedai Borong Yum Mee ialah sebuah perniagaan milikan tunggal di Bandar Baru Seri Manjung.

Berikut adalah baki aset dan liabiliti perniagaan tersebut pada 30 April 2008.

	RM
Kelengkapan	9 600
Stok	12 700
Penghutang	5 100
Bank (kredit)	1 800
Modal	23 000
Pemiutang	2 600

Urus niaga yang berlaku dalam bulan Mei 2008 adalah seperti berikut:

- (i) Jualan barang niaga berkos RM 1 720 dengan harga RM 2 580 secara tunai.
  - (ii) Sekeping cek bernilai RM 320 yang diterima daripada penghutang dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.
  - (iii) Memulangkan barang-barang rosak bernilai RM 80 kepada pembekal.
  - (iv) Bayaran gaji pekerja RM 300 dengan cek.
- (a) Sediakan Kunci Kira-Kira pada 31 Mei 2008.  
(Semua pengiraan hendaklah ditunjukkan di luar Kunci Kira-Kira) [8 markah]
- (b) Berikan satu contoh urus niaga yang menambahkan aset dan liabiliti perniagaan.  
[1 markah]

**Bahagian B**

[12 markah]

*Jawab satu soalan sahaja.*

- 5 Kilang TJ ialah sebuah kilang pengeluaran kertas di kawasan Perindustrian Tasek Damai. Butir-butir berikut diambil daripada bukunya pada 30 Jun 2007.

	1 Julai 2006	30 Jun 2007
	RM	RM
Stok bahan mentah	32 860	22 330
Kerja dalam proses	18 296	15 384
Stok barang siap	27 750	34 230
Stok alat-alat kecil	1 200	920

Urusniaga sepanjang tahun kewangan:

	RM
Belian:	
Bahan mentah	116 950
Alat-alat kecil	700
Pulangan keluar bahan mentah	550
Upah pekerja kilang	36 930
Gaji pengurus dan penyelia kilang	56 000
Duti import bahan mentah	1 600
Modal	150 000
Insurans kilang	15 000
Elektrik dan air	2 600
Loji dan mesin (kos)	120 000
Sewa	5 000
Pemiutang	23 000
Jualan barang siap	315 000

**Maklumat tambahan:**

- (i) Insurans kilang yang telah dibayar adalah untuk tempoh setahun mulai 1 Januari 2007.
- (ii) Upah pekerja kilang terakru RM5 300.
- (iii) Sewa diagih antara kilang dengan pejabat mengikut nisbah 3:2.
- (iv) Susut nilai loji dan mesin adalah 10% setahun atas kos.
- a) Sediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2007.
- b) Apakah tujuan Kilang TJ menyediakan Akaun Pengeluaran tersebut?

[11 markah]

[1 markah]

- 6 Penyata bank bulan Ogos 2008 yang diterima oleh Perniagaan Aziah menunjukkan baki yang berbeza dengan baki buku tunainya bagi bulan tersebut. Berikut ialah buku tunai dan penyata bank bagi bulan tersebut.

**Buku Tunai (ruangan bank sahaja)**

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No. Cek	RM
2008			2008			
Ogos			Ogos			
1	Baki b/b	12 600	5	Belian	635391	1 320
4	Misha	990	8	Angkutan	635392	750
8	Jualan	1 400	17	Kedai Mina	635393	1 048
18	Bala	780	21	Insurans	635394	1 200
26	Jualan	3 100	28	Pemborong Sima	635395	2 735
29	Nizam	1 675	30	Mutiara Bhd	635396	1 514
31	Azwan	910	31	Baki h/b		12 888
		<u>21 455</u>				<u>21 455</u>

<b>BANK AMANAH BERHAD</b>					
No 15, Jalan Istana 56000 Kuala Lumpur					
Tetuan Perniagaan Aziah A 332 Jalan Silang 56000 Kuala Lumpur			Tarikh: 31 Ogos 2008 No. Akaun: 03-83772037735		
<b>PENYATA BANK</b>					
Tarikh	Butir	No. Cek	Wang keluar (RM)	Wang Masuk (RM)	Baki RM
<b>2008</b>					
<b>Ogos</b>					
1	Baki				13 225
3	Cek	635390	625		12 600
5	Cek cawangan sendiri	577765		990	13 590
7	Cek	635391	1 320		12 270
9	Deposit			1 400	13 670
10	Cek	635392	750		12 920
19	Cek	635393	1 408		11 512
20	Cek penjelasan tempatan	476775		780	12 292
27	Deposit			3 100	15 392
28	Dividen (Syarikat Seroja Berhad)			700	16 092
30	Cek	635394	1 200		14 892
30	Buku cek		20		14 872

**Maklumat tambahan:**

Cek bernombor 635393 yang dikeluarkan kepada Kedai Mina dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.

- (a) Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2008 (tanpa mengemaskini buku tunai). [10 markah]
- (b) Nyatakan dua sebab mengapa baki Buku Tunai Perniagaan Aziah berbeza dengan baki penyata bank pada 31 Ogos 2008. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



LAMPIRAN A

---

---

DOKUMEN PERNIAGAAN

---

---

Dapatkan Skema jawapan di [www.banksoalanspm.com](http://www.banksoalanspm.com)

SALINAN

No: 3218

**KEDAI TELEKOMUNIKASI EDDY**

54, Jalan Muhibbah 2

30640 Ipoh

Perak

Tel: 05-2544622

**INVOIS**

Kepada:

Global Phone Berhad

4, Kompleks Wawasan

36000 Teluk Intan

Perak

Tarikh: 4 Jun 2008

BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Telefon bimbit Nokea	5	1800.00	9000.00
2.	Telefon bimbit Samsung	8	1000.00	8000.00
				17 000.00
Tolak: Diskaun niaga 15 %				2 550.00
<b>JUMLAH</b>				14 450.00

(Ringgit Malaysia: Empat belas ribu empat ratus lima puluh sahaja)

Syarat: 5% 10 hari

Serahan: Angkutan dibayar

K.&amp; K. Dik.

*Wong*

Penerima

*Eddy*

Pengurus

**DOKUMEN 1**

<b>ASAL</b>	<b>No: 1390</b>
<b>UNIVERSAL TRADING</b> 12A, Jalan Seri Mutiara 46920 Petaling Jaya Selangor Tel:03-7556228	
<b>RESIT RASMI</b>	
Tarikh: 5 Jun 2008	
Diterima daripada	: Kedai Telekomunikasi Eddy
Ringgit Malaysia	: Lima ribu lima ratus sahaja
Bayaran untuk	: Menjelaskan hutang pada 1 Jun 2008
RM 5 500.00	
Tunai/ No.Cek	: BBM 034421
<i>Siva</i>	
Pengurus	

**DOKUMEN 2**

<b>KEDAI TELEKOMUNIKASI EDDY</b> 54, Jalan Muhibbah 2 30640 Ipoh Perak Tel: 05-2544622	
<b>MEMO</b>	
Tarikh: 6 Jun 2008	
Kepada	: Kerani Akaun
Daripada	: Pengurus
Pemilik mengambil sebuah mesin pencetak dari kedai bernilai RM250 untuk kegunaan peribadi di rumah.	
<i>Eddy</i>	
Pengurus	

**DOKUMEN 3**

ASAL

No: 2210

**UNIVERSAL TRADING**

12A, Jalan Seri Mutiara  
46920 Petaling Jaya  
Selangor  
Tel:03-7556228

**INVOIS**

Kepada:

KEDAI TELEKOMUNIKASI EDDY  
54, Jalan Muhibbah 2  
30640 Ipoh  
Perak

Tarikh: 8 Jun 2008

BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Telefon bimbit Nokea	6	1500.00	9 000.00
2.	Telefon bimbit Samsung	10	750.00	7 500.00
3.	Telefon bimbit Motorola	4	900.00	3 600.00
				20 100.00
Tolak: Diskaun niaga 20 %				4 020.00
<b>JUMLAH</b>				<b>16 080.00</b>

(Ringgit Malaysia: Enam belas ribu lapan puluh sahaja)

Syarat: 5% 10 hari

Serahan: Angkutan dibayar

K.&amp; K. Dik.

*Eddy*

Penerima

*Siva*

Pengurus

**DOKUMEN 4**

<b>SALINAN</b>		<b>No: 0421</b>		
<p><b>KEDAI TELEKOMUNIKASI EDDY</b>          54, Jalan Muhibbah 2          30640 Ipoh          Perak          Tel: 05-2544622</p> <p><b>NOTA KREDIT</b></p>				
<p>Kepada          Global Phone Berhad          4, Kompleks Wawasan          36000 Teluk Intan          Perak</p> <p style="text-align: right;">Tarikh: 9 Jun 2008</p> <p>Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:</p>				
BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Telefon bimbit Samsung Tolak: Diskaun niaga 15% (Barang dikembalikan kerana tidak berfungsi)	1	1 000.00	1 000.00
				150.00
<b>JUMLAH</b>				<b>850.00</b>
<p>(Ringgit Malaysia: Lapan ratus lima puluh sahaja)</p> <p style="text-align: right;"><i>Eddy</i> Pengurus</p>				

**DOKUMEN 5**

SALINAN

No: 4002

**KEDAI TELEKOMUNIKASI EDDY**

54, Jalan Muhibbah 2

30640 Ipoh

Perak

Tel: 05-2544622

**BIL TUNAI**

Kepada  
Ikhwan Hakim Enterprise  
32, Jalan Semilang  
31600 Gopeng

Tarikh: 10 Jun 2008

BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Telefon bimbit Samsong	2	1 000.00	2 000.00
Tolak diskaun niaga 15%				300.00
<b>JUMLAH</b>				<b>1 700.00</b>

(Ringgit Malaysia: Seribu tujuh ratus sahaja)

Tunai / No.Cek :

*Eddy*

Pengurus

**DOKUMEN 6**

<b>ASAL</b>		<b>No: 0516</b>
<b>UNIVERSAL TRADING</b> 12A, Jalan Seri Mutiara 46920 Petaling Jaya Selangor Tel:03-7556228		
<b>NOTA DEBIT</b>		
Kepada KEDAI TELEKOMUNIKASI EDDY 54, Jalan Muhibbah 2 30640 Ipoh Perak		Tarikh: 11 Jun 2008
BIL	BUTIR	JUMLAH (RM)
1.	Harga 10 buah telefon bimbit Samsong terkurang caj RM50 seunit - Invois No.2210 (10 x RM50 = RM500)	500.00
	Tolak: Diskaun niaga 20%	100.00
	<b>JUMLAH</b>	400.00
(Ringgit Malaysia: Empat ratus sahaja)		
		<i>Siva</i>  Pengurus

## DOKUMEN 7

SALINAN

No: 3219

**KEDAI TELEKOMUNIKASI EDDY**

54, Jalan Muhibbah 2  
30640 Ipoh  
Perak  
Tel: 05-2544622

**INVOIS**

Kepada:  
Usaha Jaya Enterprise  
22, Jalan Ladang  
33000 Kuala Kangsar

Tarikh: 12 Jun 2008

BIL	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Telefon bimbit Nokea	2	1 800.00	3 600.00
2.	Telefon bimbit Samsung	4	1 000.00	4 000.00
3.	Telefon bimbit Motorola	6	1 200.00	7 200.00
				14 800.00
Tolak: Diskaun niaga 15 %				2 220.00
<b>JUMLAH</b>				<b>12 580.00</b>

(Ringgit Malaysia: Dua belas ribu lima ratus lapan puluh sahaja)

Syarat: 5% 10 hari  
Serahan: Angkutan dibayar  
K.& K. Dik.

*Sadati*

Penerima

*Eddy*

Pengurus

DOKUMEN 8



<b>ASAL</b>	<b>No: 3112</b>
<b>KEDAI TELEKOMUNIKASI EDDY</b> 54, Jalan Muhibbah 2 30640 Ipoh Perak Tel: 05-2544622	
<b>RESIT RASMI</b>	
Tarikh: 13 Jun 2008	
Diterima daripada	: Global Phone Berhad
Ringgit Malaysia	: Dua belas ribu sembilan ratus dua puluh sahaja
Bayaran untuk	: Menjelaskan inouis No. 3218. Diskaun tunai RM680
RM 12 920.00	
Tunai/ No.Cek :	MBC 024400
<i>Eddy</i> Pengurus	

**DOKUMEN 9**

<b>BANK BBM BHD</b>							<b>SALINAN</b>
							No: 098788
<b>WANG TUNAI MASUK</b>							Tarikh: 20 Jun 2008
Nama: Kedai Telekomunikasi Eddy					No. Akaun	105802468800	
Ringgit Malaysia: Dua ribu sahaja					Kegunaan Pejabat Diluluskan		
1000	100	50	10	5	2	1	Jumlah: RM 2 000
-	-	40	-	-	-	-	Tandatangan: <i>Eddy</i>

**DOKUMEN 10**

Tarikh:	29 Jun 2008	
Penerima:	Al Firdaus Enterprise	
Kerana:	Sewa premis	
	<b>RINGGIT</b>	<b>SEN</b>
Baki akhir	27 920	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	27 920	00
Cek ini	850	00
Baki	27 070	00
No. 034422		

KERATAN CEK

DOKUMEN 11

No: 033/2008

**KEDAI TELEKOMUNIKASI EDDY**

54, Jalan Muhibbah 2

30640 Ipoh

Perak

Tel: 05-2544622

**BAUCAR PEMBAYARAN**

Tarikh: 30 Jun 2008

Kepada:  
Guna Stationery  
No.10, Jalan Besar  
30630 Ipoh  
Perak

BIL	KETERANGAN	JUMLAH (RM)	T.T.PENERIMA
1.	Belian alat tulis pejabat	48.00	<i>Nadia</i>

(Ringgit Malaysia: Empat puluh lapan sahaja)

Tunai/No.Cek:

Diluluskan oleh:

*Eddy*  
Pengurus

**DOKUMEN 12**